


# BETULKAN

## AKIDAH PENGIKUT GISB

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلْقَائِلِ :

قُلْ هَٰذِهِۦ سَبِيلِيٓ أَدْعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِۚ عَلَىٰ
بَصِيرَةٍ أَنَا۠ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِيۖ وَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ
وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ١٠٨

أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلَّا ٱللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. ٱللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّم عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَآ أَيُّهَا ٱلْمُسْلِمُونَ

اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّاىَ بِتَقْوَى ٱللهِ فَقَدْ

فَازَ ٱلْمُتَّقُونَ.

قَالَ ٱللَّهُ تَعَالَى: يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ

حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ١٠٢

# KEJAYAAN DI DUNIA DAN AKHIRAT HANYALAH BAGI ORANG-ORANG YANG;

Bertakwa kepada Allah SWT

Melaksanakan segala perintah Allah SWT

Meninggalkan segala larangan Allah SWT

KHUTBAH MULTIMEDIA JAIS




# Tajuk Khutbah Jumaat

## BETULKAN AKIDAH PENGIKUT GISBH

SELANGOR

ISLAMIC•SAVIOUR•OBEDIENCE

Bahagian Pengurusan Masjid (BPM)
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

# PERSOALAN TENTANG GISBH YANG BERLEGAR MASA KINI ADALAH;

- Hangat diperkatakan
- Dikatakan ada persamaan dengan al-Arqam dahulu
- Diharamkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- Dikatakan masih mengamalkan buku Aurad Muhammadiah
- Dilarang bagi umat Islam untuk berpegang dan beramal dengan ajaran ini

# AL-ARQAM ADALAH;

- Kumpulan ajaran ditubuhkan oleh Ashaari Muhammad pada tahun 1968
- Diharamkan pada 1994
- Ahli-ahlinya menubuhkan Rufaqa’ Co, GISB dan GISBH
- Bekas ahlinya mengendalikan pelbagai jenis perniagaan
- Dibawah pengaruh Ashaari Muhammad
- Pengasasnya meninggal dunia pada 2010
- Pengasasnya amat dihormati dalam struktur perniagaan dan sosial Global Ikhwan

# KES GLOBAL IKHWAN INI MENCERMINKAN KEPADA KITA, BAHAWA;

Kesesatan boleh dikaburi dengan pengaruh perniagaan dan aktiviti sosial

Pengaruh dan nilai-nilai al-Arqam masih ada dalam operasi dan struktur organisasi ini

# FATWA PENGHARAMAN SEGALA FAHAMAN DAN AJARAN AL-ARQAM SEBELUM INI ADALAH;

- Telah diperkenan oleh DYMM Sultan Selangor
- Diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- Diwartakan pada 4 Februari 1993, 4 Ogos 1994 dan 21 Disember 2006
- Proses pewartaan fatwa diperkenankan DYMM Sultan Selangor pada 3 Okt. 2024

# FATWA YANG TELAH DIWARTAKAN ADALAH;

- Menjadi pengikat dan kewajipan mematuhi dan berpegang dengan fatwa tersebut
- Boleh diambil tindakan undang-undang kepada yang mengingkarinya
- Bertujuan memelihara Islam dan mengawal serta membendung ajaran sesat

# SELURUH UMAT ISLAM DI NEGERI INI HENDAKLAH;

- **Sayangkan Islam dan cintakan negeri ini**
- **Mematuhi ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Keputusan fatwa**
- **Mentaati Ketua Agama Islam Negeri**
- **Tinggalkan ajaran dan fahaman al-Arqam**
- **Jauhi diri daripada Kumpulan GISBH**

# PENYIMPANGAN KUMPULAN GISBH ADALAH;

**MENYIMPANG DALAM;**

- Bentuk pemujaan pemimpin
- Amalan poligami
- Unsur-unsur kesyirikan
- Mempercayai kepada kebangkitan semula pemimpin yang meninggal dunia
- Mempercayai kebangkitan Imam Mahdi daripada kalangan al-Arqam

# FAHAMAN DAN AJARAN GISBH TELAH MENYIMPANG DARIPADA AKIDAH ISLAM KERANA;

## PENYIMPANGAN PERTAMA

Percaya kepada kebangkitan semula pemimpin yang telah meninggal dunia

As-Suhaimi mati pada zahir sahaja

As-Suhaimi hanya ghaib dan lahir sebagai Imam Mahdi

# ROH TIDAK AKAN KEMBALI KE DUNIA LAGI KECUALI DENGAN KEHENDAK ALLAH SWT;

Sabda Nabi SAW | Ayat al-Quran | **Ayat 100, al-Mukminun;**

لَعَلِّيٓ أَعۡمَلُ صَٰلِحٗا فِيمَا تَرَكۡتُۚ
كَلَّآۚ إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَآئِلُهَاۖ وَمِن وَرَآئِهِم
بَرۡزَخٌ إِلَىٰ يَوۡمِ يُبۡعَثُونَ ١٠٠

# ROH TIDAK AKAN KEMBALI KE DUNIA LAGI KECUALI DENGAN KEHENDAK ALLAH SWT;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

***"Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan". Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)."***

# MAKSUD BARZAKH MERUJUK KEPADA AYAT 100, SURAH AL-MUKMINUN ADALAH;

HIJAB ITU SEPERTI TEMBOK PENGHALANG BAGI ORANG YANG TELAH MATI UNTUK PULANG KE DUNIA

# KEMUNCULAN IMAM MAHDI PADA AKHIR ZAMAN;

## Sabda Nabi SAW Bermaksud;

***"Sekiranya tidak berbaki daripada dunia itu melainkan hanya satu hari nescaya Allah akan memanjangkan hari tersebut sehinggalah Dia mengutuskan seorang lelaki pada hari tersebut yang mana lelaki itu dari kalangan aku – atau dari ahli baitku – Namanya berbetulan dengan namaku dan nama bapanya berbetulan dengan nama bapaku. Dia akan memenuhi bumi dengan penuh adil dan saksama sebagaimana ia (bumi) dahulunya dipenuhi oleh kegelapan dan kezaliman."***

***(Riwayat Abu Daud).***

# FAHAMAN DAN AJARAN GISBH TELAH MENYIMPANG DARIPADA AKIDAH ISLAM KERANA;

## PENYIMPANGAN KEDUA

- Ketaksuban dan pemujaan kepada Ashaari Muhammad
- Memiliki kuasa kerohanian
- Sheikh Muhammad al-Suhaimi sebagai Imam Mahdi
- Pemujaan pemimpin boleh membawa kekufuran

# KETAATAN KEPADA PIMIMPIN ADALAH WAJIB DAN DITUNTUT SYARAK;

Sabda Nabi SAW | Ayat al-Quran | **Ayat 59, al-Nisa';**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ

وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلْأَمْرِ

مِنكُمْۖ

# KETAATAN KEPADA PIMIMPIN ADALAH WAJIB DAN DITUNTUT SYARAK;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

***“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.”***

# ISLAM MENGAJAR MENTAATI KETUA ITU ADALAH;

- Pada perkara  yang makruf
- Selagi mana menyeru kebaikan dan kemaslahatan umum
- Kewajipan dan tanggungjawab kepada yang dipimpin
- Bukan dengan pemujaan dan ketaksuban

# KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB MENTAATI PEMIMPIN;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا
أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ
بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

# KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB MENTAATI PEMIMPIN;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | **MAKSUD HADIS** | MAKSUD AYAT

***"Wajib bagi setiap Muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia suka dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Justeru apabila dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat."***

***(Riwayat al-Bukhari).***

# FAHAMAN DAN AJARAN GISBH TELAH MENYIMPANG DARIPADA AKIDAH ISLAM KERANA;

## PENYIMPANGAN KETIGA

- Wujud unsur-unsur khurafat dan syirik dari ajaran al-Arqam
- Mengatakan minda Abuya wahyu tuhan dan lain-lain
- Abuya memiliki ramalan masa depan
- Syirik dan khurafat adalah dosa besar yang paling besar

# SYIRIK ADALAH DOSA YANG TIDAK TERAMPUN;

Sabda Nabi SAW | Ayat al-Quran | **Ayat 48, al-Nisa';**

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ
مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ
فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

# SYIRIK ADALAH DOSA YANG TIDAK TERAMPUN;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

***"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan Syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar."***

# FAHAMAN DAN AJARAN GISBH TELAH MENYIMPANG DARIPADA AKIDAH ISLAM KERANA;

## PENYIMPANGAN KEEMPAT

- Berpoligami yang tidak mengikut syarak dan undang-undang
- Memperluas poligami dalam kalangan ahli
- Unsur pengabaian hak dan kesejahteraan wanita

# BERPOLIGAMI ADALAH HARUS, NAMUN BERUBAH KEPADA TIGA, IAITU;

## HUKUM SUNAT

- Mempunyai keperluan untuk berkahwin
- Satu isteri tidak dapat menjadi dirinya afif
- Inginkan anak sedangkan isteri sakit ataupun mandul
- Suami yakin boleh berlaku adil

# BERPOLIGAMI ADALAH HARUS, NAMUN BERUBAH KEPADA TIGA, IAITU;

## HUKUM MAKRUH

- Semata-mata untuk berlazat dan berhibur
- Syak kemampuannya untuk berlaku adil
- Memudharatkan isteri-isteri yang tidakdiperlakukan dengan adil
- Tidak memiliki keperluan yang zahir

# BERPOLIGAMI ADALAH HARUS, NAMUN BERUBAH KEPADA TIGA, IAITU;

## HUKUM HARAM

- Tidak mampu berlaku adil
- Lemah dan hilang kepercayaan
- Keadaan diri yang fakir hingga memudharatkan isteri-isteri

# LARANGAN MENDATANGKAN KESAN MUDARAT;

**SABDA NABI SAW** | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

***“Tidak boleh mendatangkan mudarat dan membalas mudarat dengan mudarat yang lain.”***

***(Riwayat Malik).***

# MEMADAI DENGAN HANYA SEORANG ISTERI SAHAJA;

Sabda Nabi SAW | Ayat al-Quran | Ayat 3, al-Nisa';

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُواْ فَوَٰحِدَةً أَوْ
مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَلَّا
تَعُولُواْ ٣

# MEMADAI DENGAN HANYA SEORANG ISTERI SAHAJA;

SABDA NABI SAW | AYAT AL-QURAN | MAKSUD HADIS | MAKSUD AYAT

***"Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman."***

# PENGAJARAN DARIPADA KHUTBAH INI ADALAH;

1. IKUTLAH AJARAN ISLAM YANG BERASASKAN PEGANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH
2. KENALILAH AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH AGAR TIDAK TERKELIRU DENGAN GOLONGAN YANG TERPESONG DAN MENYIMPANG
3. BERHATI-HATILAH DAN BERTABAYYUN SEBELUM MENGIKUTI DI SEBALIK PERKATAAN AGAMA DAN AMAL
4. TOLAKLAH AKIDAH YANG DIPEGANG OLEH KUMPULAN GISBH

# KESYIRIKAN KERANA MENGANGGAP ADANYA TUHAN SELAIN ALLAH SWT;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ٱتَّخَذُوٓاْ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن
دُونِ ٱللَّهِ وَٱلْمَسِيحَ ٱبْنَ مَرْيَمَ وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا
لِيَعْبُدُوٓاْ إِلَٰهًا وَٰحِدًا ۖ لَّآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَٰنَهُۥ
عَمَّا يُشْرِكُونَ ٣١

## KESYIRIKAN KERANA MENGANGGAP ADANYA TUHAN SELAIN ALLAH SWT;

***“Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli ugama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) Al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.”***

***(al-Taubah : 31)***

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي

الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا

فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ

وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ

الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ

الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ

إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ

# خطبة كدوا

# KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِىْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ

تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يوْمِ الدِّيْنِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتَّقُواْ
اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاىَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى
ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ
عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الحَاجَاتِ.

اَللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ

وَوُلَاةَ أُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الأَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَآئِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

جَلاَلَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَان سلاڠُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّين عبد العزيز شاه الحاج.

اَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلأمة مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاغُور، تغكو أَمِير شَاه اِبْنِ السُّلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج،

فِيْ أَمْنٍ وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنّكَ وَكَرَمك يَا ذَاالْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلاَدِ، وَبلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.

**Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.**

Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ
أَعْيُنٍ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾ رَبَّنَآ
ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْـَٔاخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ
وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ
عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ
يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَاذْكُرُواْ اللَّهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ

وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ

مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

*Disediakan oleh;*

*Unit Khutbah*
*Bahagian Pengurusan Masjid*
Jabatan Agama Islam Selangor